

LJT 6 JId.8/(5)

13 Disember 2006

Semua Juruukur Tanah Berlesen

Y. Bhg Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING LEMBAGA JURUUKUR TANAH BILANGAN 2 TAHUN 2006

BAYARAN KEMAJUAN 10% MAKSIMUM BAGI KERJA UKUR HAKMILIK (TANAH, STRATA DAN STRATUM)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan meminda had maksimum bayaran kemajuan 10% kepada RM 200,000 bagi kerja-kerja ukur hakmilik tanah, strata dan stratum.

2. LATARBELAKANG

Had maksimum bayaran kemajuan 10% yang diamalkan sekarang adalah RM100,000. Didapati had yang ditetapkan itu adalah tidak lagi sesuai diteruskan memandangkan peningkatan kos operasi kerja ukur yang mendadak yang disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan kebelakangan ini. Keadaan ini membebankan ramai Jurukur Tanah Berlesen (JTB) dan mewajarkan had maksimum ini dikajisemula.

3. PELAKSANAAN

Dengan pelaksanaan pekeliling ini, bayaran kemajuan 10% adalah dikekalkan dan had maksimumnya dinaikkan kepada RM 200,000. Ianya berkuatkuasa ke atas kerja-kerja ukur yang bayaran ukur didepositkan dengan Lembaga pada atau selepas 1 Januari 2007. Pekeliling LJT Bil. 3 Tahun 2000 adalah dengan ini dibatalkan.

4. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari, 2007.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK Sr HAMID BIN ALI, PJN DIMP KMN PMC PJC)

Pengerusi

Lembaga Jurukur Tanah

Semenanjung Malaysia